

28/09/1997

PM terima anugerah tertinggi Cuba

Manja Ismail in Havana

HAVANA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke sini, menerima anugerah tertinggi kerajaan Cuba, Order of Jose Marti.

Anugerah itu disampaikan Presiden Cuba, Fidel Castro, di Istana Revolusi di sini malam kelmarin, sebagai menghargai kejayaan Dr Mahathir membangunkan Malaysia sehingga menjadi contoh negara membangun serta sumbangannya dalam hubungan Selatan-Selatan.

Order of Jose Marti diwujudkan atas nama Jose Marti, pengasas parti Revolusi Cuba pada 1892 yang memperjuangkan kemerdekaan daripada Sepanyol.

Jose Marti yang juga tokoh sasterawan Cuba awal abad ini, menghabiskan sepanjang hayatnya untuk kebebasan, kemerdekaan dan kedaulatan Cuba serta negara-negara Amerika Latin.

Dalam ucapan yang dibacakan pada majlis itu, Dr Mahathir dipuji sebagai negarawan ulung yang menunjukkan komitmen besar terhadap pembangunan negara-negara Selatan.

Dr Mahathir juga dipuji kerana membawa pelbagai kemajuan dalam pembangunan Malaysia sejak 16 tahun kepimpinannya.

Perdana Menteri dalam ucapan penerimaannya pula berkata negara-negara Selatan harus bersama membina satu barisan yang padu untuk menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

Sambil mengulangi pendirian Malaysia terhadap tindakan kuasa besar ke atas negara membangun di era globalisasi dan liberalisasi, Dr Mahathir menegaskan negara Selatan tidak harus mengikut telunjuk Barat, sebaliknya mesti menyuarakan pandangan terhadap sebarang ketidakadilan sama ada melalui Pergerakan Berkecuali atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dr Mahathir berkata, tugas negara membangun untuk memajukan negara semakin mencabar kerana berhadapan dengan pelbagai perubahan di mana politik global dan persekitaran ekonomi jarang sekali peka dengan keperluan dan kepentingan negara membangun.

Menurutnya, dengan ekonomi dunia yang semakin cenderung kepada globalisasi dan liberalisasi, negara membangun bukan sahaja perlu belajar menyesuaikan diri ke arah pembangunan sebegitu, tetapi harus menghadapi tekanan pelbagai syarat daripada mereka yang berkuasa dan berpengaruh di arena antarabangsa.

"Yang kaya dan berkuasa terus menekan dan mahu menguasai. Kita lemah dan hampir tidak boleh dibantu untuk menukar keadaan itu supaya memihak kepada kita sendiri secara individu.

"Kita perlu mengukuhkan kerjasama di kalangan negara-negara yang menjadi mangsa dasar seumpama itu.

"Dengan pendirian yang sepakat, kita boleh berharap untuk menyuarakan hak kita untuk mempengaruhi serta membentuk dasar-dasar yang memberi kesan besar kepada masa depan kita," katanya sambil menambah di Asia Tenggara, manipulator mata wang membawa kesan buruk kepada ekonomi yang dibangunkan hasil kerja keras rakyat selama beberapa dekad.

Perdana Menteri berkata, walaupun kekuatan kolektif negara-negara membangun boleh membantu mereka bangkit menentang dunia, mereka juga perlu mengukuhkan kedudukan masing-masing.

Lawatan beliau bersama rombongan usahawan Malaysia ke Cuba bertujuan melihat sendiri bagaimana kedua-dua negara boleh bekerjasama untuk faedah bersama.

(END)

